



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWAL PENGGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PUP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

9 MAC 2022 (RABU)



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN HAL EHWA PENGUNA

KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

9 MAC 2022 (RABU)

Impak pandemik punca harga barang naik

KUALA LUMPUR: Kenaikan harga barang ketika ini adalah disebabkan impak pandemik Covid-19, masalah bencana banjir dan peningkatan kos bahan mentah.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, pihaknya tidak menerima laporan peniaga menyorok barang menjadi punca kenaikan harga.

"Kita ada lebih 2,000 penguat kuasa termasuk pemantau harga di seluruh negara yang memantau keberadaan barang.

"Kita mengesan barang-barang daripada pengeluar sampai kepada pengguna," katanya di Dewan Rakyat bagi menjawab pertanyaan Abdul Latif Abdul Rahman (Pas-Kuala Krai) yang mahu tahu langkah diambil kementerian itu bagi mengelak kerisauan peniaga sehingga terpaksa menyorok barang kerana kawalan harga oleh kerajaan.

Menjawab soalan lisan, Akmal Nasrullah Mohd. Nasir (PH-Johor Bahru) dalam isu sama iaitu kenaikan harga barang, Rosol berkata, kenaikan harga barangan juga banyak dipengaruhi oleh peningkatan kos input barangan tersebut.

Katanya, kos input ini meliputi kos barangan dari pengimport dan kos-kos lain yang turut meningkat ekoran kenaikan kadar tukaran mata wang asing dan kenaikan harga barangan dari pengimport.

"Kebergantungan negara kepada bekalan makanan dari luar menyebabkan sebarang perubahan harga import memberi kesan kepada harga bahan makanan di dalam negara," katanya.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena) berhubung import ayam bagi mengimbangi harga, Rosol berkata, sehingga kini, sebanyak 29 permit dikeluarkan kepada pengimport.

'Our chickens are imported from Thailand'

THE only frozen chicken imported into the country currently is from Thailand, with none from Brazil, says Deputy Domestic Trade and Consumer Affairs Minister Datuk Rosol Wahid.

"(The chickens) are from Thailand and we have not gone as far as Brazil.

"As a start, only two to three containers have been brought in," he said in reply to a question by Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena) about the status of poultry imports into Malaysia in the Dewan Rakyat yesterday.

Rosol said the high price of imported chicken remained a constraint.

He noted that the Agriculture and Food Industries Ministry had so far issued 29 chicken import permits to importers and hypermarkets.

In January, the government had given approvals to 32 companies from Thailand, China and Brazil to export frozen whole chickens to Malaysia to address the chicken shortage.

KPDNHEP tidak terima laporan peniaga, pengeluar sorok barang

KUALA LUMPUR - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) tidak menerima sebarang laporan mengenai pengeluar atau peniaga 'menyorok' barang hingga menyebabkan kenaikan harga barangan keperluan di pasaran.

Timbalan Menteri, Datuk Rosol Wahid berkata, kenaikan harga barangan disebabkan impak pandemik Covid-19, banjir selain kenaikan kos bahan mentah.

"Kita mempunyai lebih 2,000 penguat kuasa termasuk pemantau harga di seluruh negara yang sentiasa memantau keberadaan barang, bermaksud mengesan barang-barang daripada pengeluar sampai kepada pengguna, berapa yang keluar, berapa masih ada (dalam stok)," katanya di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan Abdul Latif Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai) yang mahu mengetahui apakah langkah diambil oleh kementerian bagi meng-



ROSOL

elak kerisauan peniaga sehingga terpaksa menyorok barang kerana kawalan harga oleh kerajaan.

Menjawab soalan tambahan Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena) berkenaan import ayam bagi mengimbangi harga dan memastikan keperluan negara mencukupi, Rosol menjelaskan, sehingga kini sebanyak 29 permit telah dikeluarkan kepada pengimport.

"Setakat ini kita hanya bawa masuk ayam dari Thailand, tiada dari China atau Brazil," katanya.

Ketika menjawab soalan asal Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail (PH-Pandan) mengenai langkah diambil oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) bagi memastikan kawalan harga munasabah ke atas barang keperluan, Rosol berkata, dua mesyuarat NACCOL telah diadakan.

Hasil mesyuarat itu, katanya, beberapa langkah jangka pendek diambil antaranya Program Jualan Keluarga Malaysia dan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan.

'No reports of hoarding to increase prices'

KUALA LUMPUR: There have been no reports of producers or traders hoarding goods to hike prices of essential goods in the market, the Dewan Rakyat was told yesterday.

Deputy Minister of Domestic Trade and Consumer Affairs Datuk Rosol Wahid said the increase in prices of goods is due to the impact of the pandemic, floods and rising costs of raw materials.

"We have more than 2,000 enforcement officers, including those monitoring prices, nationwide who track the availability of goods, tracing supply from producers to consumers, on how much is distributed or held in stock."

He was replying to a supplementary question from Abdul Latif Abdul Rahman (PAS-Kuala Krai), who wanted to know the steps taken by the ministry to prevent traders from hoarding goods due to the government price intervention.

To a supplementary question from Datuk Mahfuz Omar (PH-Pokok Sena), who asked about the import of chickens to stabilise prices and ensure sufficient supply, Rosol said 29 permits had been issued to importers so far. - Bernama

Premis proses ayam, burung puyuh diserbu guna logo halal tidak sah

SEREMBAN - Sebuah premis perusahaan memproses ayam dan burung puyuh sejuk beku di Taman Negeri di sini diserbu selepas disyaki menggunakan logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tanpa mendapat perakuan halal yang sah daripada Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri (JHEAINS).

Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, pemeriksaan dilakukan pihaknya dengan JHEAINS hasil daripada pemantauan dan perkongsian maklumat antara dua agensi.

"Hasil pemeriksaan mendapati, sijil pengesahan halal untuk produk yang dimiliki oleh perniagaan itu telah tamat tempoh pada September 2021.

"Namun begitu, logo halal Jakim masih digunakan pada paket-paket pembungkusan produk keluaran perniagaannya" katanya dalam satu kenyataan pada Selasa.

Menurutnya, hasil siasatan mendapati, premis itu dimiliki oleh seorang warganegara tempatan berumur 34 tahun.

Ujarnya, sebanyak 14 unit paket ayam dan 44 unit paket burung puyuh sejuk beku telah



Pegawai KPDNHEP dan JHEAINS menunjukkan produk ayam dan burung puyuh sejuk beku yang menggunakan logo halal tidak sah.

disita dengan anggaran nilai rampasan sebanyak RM1,540.00.

"KPDNHEP akan terus menjalankan operasi yang sama ke atas mana-mana pihak yang didapati menggunakan logo halal pada mana-mana produk makanan tanpa mendapat perakuan halal yang sah daripada pihak berkuasa berwajib," katanya.

Oleh Ahmad Hasbi
am@hmetro.com.my

Seremban

Logo halal **tamat tempoh**

Premis proses produk ayam, burung puyuh sejuk beku guna sijil Jakim tidak sah

Sengaja guna logo halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) tidak sah pada produk ayam dan burung puyuh sejuk beku untuk memperdaya pengguna Islam.

Itu tindakan pengusaha sebuah premis di Taman Negeri, Jalan Seremban-Port Dickson di sini, yang diserbu pihak berkuasa jam 10.30 pagi, semalam.

Dalam serbuan itu, empat Penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Negeri Sembilan bersama lima pegawai Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) terbabit dalam pemeriksaan mengejut itu.

Pengarah KPDNHEP Negeri Sembilan, Ain Arjuna Aziz Zaman berkata, tindakan itu hasil daripada pe-

mantauan dan perkongsian maklumat antara pihak KPDNHEP Negeri Sembilan serta JHEAINS.

"Premis itu melakukan perusahaan memproses ayam dan burung puyuh sejuk beku serta dimiliki oleh seorang warganegara tempatan.

"Hasil pemeriksaan lanjut mendapati, sijil pengesahan halal untuk produk dimiliki perniagaan ini tamat tempoh pada September 2021. Namun, logo halal Jakim masih digunakan pada paket pembungkusan produk keluaran perniagaan ini," katanya.

Beliau berkata, sebanyak 14 paket ayam dan 44 paket burung puyuh sejuk beku keluaran syarikat itu disyaki



PENGUAT KUASA KPDNHEP Negeri Sembilan dan pegawai JHEAINS menjalankan operasi penguatkuasaan di sebuah premis dikesan menggunakan logo halal Jakim yang tidak sah.

menggunakan logo halal tanpa mendapat perakuan halal yang sah daripada pihak berkuasa disita dengan anggaran nilai rampasan sebanyak RM1,540.

"Kesemua barangan itu disita mengikut Peraturan 8 Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011 kerana melanggar Peraturan 4 (1)(a) Perintah Perihal Dagangan (Perakuan dan Penandaan Halal) 2011, Akta Perihal Dagangan 2011," katanya.

Ain Arjuna berkata, KPDNHEP Negeri Sembilan akan terus menjalankan operasi yang sama ke atas mana-mana pihak yang didapati menggunakan logo halal pada mana-mana produk

makanan tanpa mendapat perakuan halal yang sah daripada pihak berkuasa berhubung iaitu Jakim dan JHEAINS.

"Oleh itu, peniaga dinasihatkan supaya mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan KPDNHEP dalam jalan perniagaan dan perdagangan masing-masing.

"Pengguna di Negeri Sembilan boleh menyalurkan maklumat atau aduan berkaitan peniaga yang tidak mematuhi undang-undang kepada Kementerian melalui pelbagai medium contohnya menerusi Portal e-aduan.kpdnhep (<https://eaduan.kpdnhep.gov.my>) atau aplikasi Ez ADU KPDNHEP," katanya.

Peniaga mengeluh dakwa beli daripada pemborong pada harga RM2.45 sepeket

Untung jual minyak peket hanya 5 sen

Oleh JAMLIAH ABDULLAH

ALOR SETAR – Peniaga-peniaga runcit di Pasar Besar Alor Setar di sini, mengeluh kerana keuntungan yang diperoleh daripada menjual minyak masak peket sekilogram (kg) hanya lima sen bagi setiap pek ekoran kenaikan harga daripada pemborong.

Peniaga, Siti Aishah Che Murad, 44, memberitahu, menjual minyak peket itu tidak pernah menguntungkan sejak kebelakangan ini, namun dia terpaksa mendapatkan daripada pemborong kerana permintaan pelanggan.

"Dahulu pun untung cuma 10 sen tetapi sejak kebelakangan ini jatuh lima sen sahaja sebab pemborong tolak kepada kami RM2.45 setiap pek, manakala harga kawalan kerajaan ditetapkan

RM2.50, jadi tidak boleh nak jual lebih.

"Memang untung tidak banyak, tambahan lagi kos beg plastik. Kalau ikut memang tidak untung pun tetapi terpaksa jual juga sebab pelanggan mahu beli," katanya ketika ditemui di premis niaga di pasar berkenaan di sini semalam.

Kerajaan menetapkan harga maksimum minyak masak peket RM2.50 sepeket sehingga Jun ini.

Seorang lagi peniaga, Aman Shah Hashim, 61, berkata, selain kenaikan harga daripada pemborong, bekalan minyak masak peket juga sukar diperoleh ketika ini.

"Dahulu seminggu dua kali tetapi sekarang dua minggu sekali baru sampai stok. Pelanggan datang nak beli tetapi tidak ada, memang susah lah.

"Untung memang lima sen sahaja sebab pemborong tolak kami RM2.45. Sebagai peniaga kecil ini kami boleh ambil 10 hingga 20 peket sahaja, berapa lah untungnya kan?" katanya.

Dalam pada itu, Pengerusi Pasar Besar Alor Setar, Mohd. Fauzi Sharip yang mewakili 15 peniaga minyak berlesen di situ berharap masalah kekurangan bekalan dan kenaikan harga bahan itu segera diatasi oleh pihak terlibat.

"Memang dahulu seminggu dua kali peniaga dapat bekalan tetapi sekarang dua minggu sekali dan permintaan akan terus meningkat menjelang Ramadan ini.

"Selain itu kita harap kementerian berbuat sesuatu tentang harga kawalan dan kenaikan harga di pihak pemborong," jelasnya.



MOHD. FAUZI (kanan) dan Siti Aishah menunjukkan bekalan minyak peket yang terhad di Pasar Besar Alor Setar semalam.

Senarai Harga Barang Keperluan		Senarai Harga Barang Keperluan		Senarai Harga Barang Keperluan		Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.99	• Telur Gred A	RM12.45	• Gula Pasir	RM2.85	• Cili Merah	RM10
• Daging Lembu Tempatan	RM42.99	• Ikan Kembung	RM13.99	• Bawang Besar Holland	RM2.49	• Kubis Bulat Tempatan	RM2.79
• Daging Lembu Import	RM28	• Minyak Masak	RM6.35	• Bawang Putih	RM5.50	• Tepung Gandum	RM2.20

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP

MPIC sedang usahakan rasionalisasi subsidi minyak masak

KUALA LUMPUR - Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) kini sedang mengusahakan rasionalisasi subsidi yang disasarkan untuk minyak masak dijangka dimuktamadkan menjelang akhir tahun, kata Menteri, Datuk Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, usaha itu digerakkan susulan perbincangannya dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna semasa pemukiman kementerian bulan lepas.

"Kami mahu membantu mereka yang memerlukan pada masa minyak sawit mentah (MSM) didagangkan pada harga yang tinggi," katanya kepada pemberita pada Persidangan dan Pameran Tinjauan Harga Minyak Sawit dan Laurik yang dianjurkan oleh Bursa Malaysia pada Selasa.

Zuraida berkata, buat masa ini, ke-

rajaan telah memperuntukkan subsidi untuk 720,000 tan minyak masak.

Perang Rusia-Ukraine merupakan faktor utama dalam lonjakan harga minyak sawit mentah kepada RM8,000 setan minggu lalu dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia meramalkan harga minyak masak itu kekal melebihi paras RM5,000 setan sekurang-kurangnya untuk separuh pertama 2022.

Tahun lepas, kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Kementerian Kewangan telah memperuntukkan RM600 juta berbanding RM528 juta pada 2020 untuk melaksanakan Skim Penstabilan Harga Minyak Masak (COSS).



ARTHUR

COSS merupakan program subsidi minyak masak yang bertujuan untuk meringankan beban pengguna dalam menangani kos sara hidup.

Subsidi ini diberikan kepada minyak masak yang dibungkus dalam polibeg seberat 1 kilogram (kg) dan ditawarkan kepada pengguna pada harga mampu milik RM2.50 sepeket.

Sementara itu, Zuraida berkata kementeriannya juga komited untuk menyatukan peneroka kecil bagi meningkatkan produktiviti dan hasil minyak sawit dalam kalangan mereka dengan efisien.

Ini, katanya akan dilakukan melalui penubuhan koperasi yang sudah pun berlaku sekarang.

"Pada masa ini kita mempunyai 62 koperasi yang telah ditubuhkan. Jadi koperasi ini sedang mengumpul ahli dan kita sedang mencari satu koperasi untuk menjadi efektif, dari segi pengurusan kosnya," kata beliau sambil menambah setiap koperasi menyasarkan mempunyai kira-kira 1,500 ahli. - Bernama



Zuraida merasmikan Persidangan dan Pameran Tinjauan Harga Minyak Sawit dan Laurik di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Elzairi Shamsudin/BH)

Subsidi minyak masak lebih bersasar

Usaha rasionalisasi dijangka selesai akhir tahun

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) sedang menjalankan usaha merasionalisasikan subsidi minyak masak di negara ini dengan menjadikannya lebih bersasar, kata Menteri, Datuk Zuraida Kamaruddin.

Beliau berkata, usaha berkenaan sedang berjalan lancar dan ia dijangka dapat diselesaikan menjelang hujung tahun ini.

Katanya, usaha rasionalisasi subsidi minyak masak itu dijalankan susulan perbincangan antara KPPK dengan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan

Hal Ehwal Pengguna (KPDN-HEP) semasa pemukiman menteri bulan lalu.

"Kami mahu membantu segmen sasaran, mereka yang memerlukan bantuan ketika minyak sawit mentah didagangkan tinggi," katanya kepada pemberita pada Persidangan dan Pameran Tinjauan Harga Minyak Sawit dan Laurik yang dihoskan Bursa Malaysia Bhd, semalam.

Zuraida berkata, ketika ini kerajaan memperuntukkan subsidi minyak masak kira-kira 720,000 tan.

Perang Russia-Ukraine adalah faktor utama harga minyak sawit mentah (MSM) yang tinggi, melonjak melepasi RM8,000 satu tan baru-baru ini.

Zuraida berkata, kementeriannya turut komited untuk meningkatkan produktiviti dan hasil pengeluaran sawit dalam kalangan pekebun kecil sawit di negara ini menerusi penguurusan lebih baik.

Beliau berkata, tumpuan kini adalah meningkatkan penguru-

san pekebun kecil sawit melalui penubuhan koperasi bagi membolehkan usaha meningkatkan hasil dan produktiviti dilaksanakan secara terancang.

Katanya, ketika ini lebih 60 koperasi didaftarkan dengan sasaran keanggotaan sekitar 1,500 ahli bagi setiap koperasi.

"Memunyai jumlah ahli yang besar membolehkan pengurusan (ladang) dibuat dengan lebih baik," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, Zuraida berkata, pekerja asing dijangka masuk pada Mei atau Jun ini bagi menangani kekurangan tenaga buruh di ladang.

Beliau berkata, kemasukan tenaga kerja asing itu dijangka membantu memulihkan pengeluaran sawit di negara ini yang terkesan oleh kekurangan pekerja berikutan langkah membendung penularan COVID-19.

Katanya, bagi tahun ini, pengeluaran sawit negara dijangka meningkat kepada 20 juta tan tahun ini berbanding 18.1 juta tan tahun lalu.